



16/12/2008 (Selasa)

PAC: Beli Eurocopter

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

KUALA LUMPUR 16 Dis. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengesyorkan kerajaan menimba semula penangguhan pembelian Eurocopter EC725 bagi menggantikan helikopter Nuri memandangkan aset tersebut mempunyai beberapa kekangan.

Mengambil kira bahawa helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu selamat digunakan sehingga 2015, PAC dalam laporan yang diedarkan kepada anggota Dewan Rakyat mencadangkan supaya pembelian pesawat dibuat selewat-lewatnya pada 2011. “Ini kerana proses penyiapan helikopter itu memakan masa tiga tahun dan latihan penerbangan pula selama setahun,” menurut laporan PAC mengenai pembelian helikopter Eurocopter EC725 itu.

Dalam laporan itu juga, PAC memutuskan proses perolehan Eurocopter EC725 dibuat selaras dengan prosedur sedia ada dan garis panduan yang diterima pakai oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) berkaitan perolehan kerajaan. PAC menyatakan, keputusan itu dibuat berdasarkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan mengenai pembelian helikopter tersebut.

Bagaimanapun, bagi memastikan bahawa pembelian itu berbaloi dengan nilainya, PAC mengesyorkan supaya Panel Penilaian Bebas diwujudkan untuk memberi nasihat terhadap perolehan tersebut. “Panel penilai bebas ini hendaklah terdiri daripada pakar dalam bidang berkaitan dan pelantikannya boleh diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri,” menurut laporan itu lagi.

Laporan yang menyatakan pandangan dan syor PAC berhubung isu tersebut telah diedarkan kepada Ahli Parlimen pada 4 Disember lalu dan diberikan kepada pihak media hari ini. Dalam laporan itu juga, PAC menyatakan ia tidak dapat menentukan sama ada kos pembelian Eurocopter EC725 itu mahal atau sebaliknya jika dibandingkan dengan pembelian oleh negara-negara lain.

PAC dimaklumkan bahawa keperluan ketenteraan adalah berbeza antara sesbuah negara dengan negara lain dan PAC mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan dan agensi pusat merundingkan semula harga dengan pembekal yang dipilih kerana perolehan itu belum dimuktamadkan. “Bagi tujuan ini, kajian pasaran perlu dijalankan oleh Kementerian Pertahanan untuk dijadikan asas dalam rundingan harga tersebut,” katanya.

Dalam laporan itu, PAC memperakarkan bahawa pemilikan helikopter yang mampu memenuhi keperluan TUDM dan negara adalah satu keperluan pertahanan negara, khususnya bagi mengantikan pesawat Nuri yang telah menjangkau usia perkhidmatan melebihi 40 tahun.

PAC turut menyatakan perasaan kurang senang dengan ketiadaan penerbangan ujian dan penilaian fizikal yang dilakukan secara khusus semasa proses penilaian walaupun telah dimaklumkan bahawa terdapat juruterbang penguji TUDM telah menguji pelbagai jenis helikopter sejak 1994.

Oleh itu, PAC mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan atau TUDM memberi perhatian terhadap keperluan penerbangan ujian dan penilaian fizikal bagi perolehan pesawat pada masa hadapan.

PAC turut mencadangkan supaya TUDM membuat pemantauan dan pemeriksaan rapi sepanjang proses penyiapan helikopter Eurocopter EC725 berkenaan.

“Kementerian atau TUDM hendaklah juga memastikan setiap bayaran dibuat selaras dengan kemajuan kerja yang dilaksanakan serta memastikan pemeriksaan pra penghantaran dan ujian serta pentaulahan dilakukan sebelum pembayaran akhir dibuat,” kata laporan itu.

Selain itu, PAC menyarankan supaya Kementerian Pertahanan mendapatkan pandangan Peguam Negara sebelum kontrak perolehan helikopter itu ditandatangani bagi memastikan ia mengandungi syarat-syarat selain menyatakan spesifikasi pesawat dengan jelas bagi menjamin kepentingan kerajaan.

16/12/2008 (Selasa)

Proton sangkal dakwaan kos penyelenggaraan V6 tinggi

Oleh AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Proton Holdings Bhd. (Proton) menyangkal dakwaan sesetengah pihak termasuk beberapa pemimpin kerajaan negeri bahawa kos penyelenggaraan Proton Perdana V6 terlalu tinggi malah mengulangi pendirian bahawa kos berkenaan amat berpatutan. Menurut kenyataan Proton yang dikeluarkan di sini hari ini, kos penyelenggaraan yang berkesan terhadap kereta jenis itu amat bergantung kepada pelbagai faktor.

Salah satu faktor tersebut, jelas kenyataan itu adalah servis normal yang dibuat di pusat servis berdaftar setiap tiga bulan sekali atau setiap 5,000 kilometer atau disarankan pengilang kenderaan, mengambil kira perbatuan dalam setahun dan tabiat memandu. Menurut

kenyataan itu, kos normal untuk setiap servis Perdana V6 adalah sekitar RM200 termasuk harga penapis minyak dan buruh, namun tidak termasuk alat gantian dan komponen, kegagalan mekanikal dan pumbaikan akibat perlanggaran.

Kebiasaannya, perbatuan biasa bagi kereta di bawah penggunaan normal adalah di antara 20,000 kilometer hingga 30,000 kilometer setahun. Dalam tempoh perbatuan berkenaan, purata keseluruhan kos penyelenggaraan Proton Perdana V6 adalah dianggarkan sebanyak RM2,300 bergantung kepada rekod terkumpul dan disemak daripada pengedar servis berdaftar dan di mana-mana cawangan-cawangan Proton. Secara amnya, kenderaan berusia melebihi empat tahun yang terlalu kerap digunakan tanpa penyelenggaraan yang baik dan betul akan mengakibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi.

Proton menegaskan kos penyelenggaraan kenderaan berusia setahun tidak sama kos penyelenggaraan dengan perbatuan kenderaan berusia empat tahun. Pada hakikatnya, penyelenggaraan kenderaan melebihi empat tahun adalah lebih tinggi berbanding kenderaan baru. Rekod Proton menunjukkan daripada 55 buah Proton Perdana V6 yang didaftarkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, hanya tiga diantar ke pusat servis berdaftar Proton untuk tempoh lapan bulan sejak kenderaan berkenaan di bawah hak milik mereka.

Proton turut kecewa dengan komen yang dibuat oleh para pemimpin kerajaan negeri berkenaan yang secara umumnya mengutuk kereta kebangsaan sebagai berstatus rendah berbanding kereta buatan negara lain. Sementara Proton mengenalpasti terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki, kualiti produk Proton tidak *sub-standard* yang boleh memberi kesan terhadap keputusan kerajaan negeri untuk membeli kenderaan buatan negara lain.

"Dengan mengambil kira surat aduan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Proton sudah menjawab surat berkenaan bulan lalu dengan permintaan untuk melihat sendiri masalah berkenaan dan berjumpa dengan pegawai-pegawai kerajaan negeri selain menjalankan pemeriksaan teliti dalam masalah itu.

"Proton juga membuat permintaan serupa kepada Kerajaan Negeri Perak dan Menteri Besar Kedah," menurut kenyataan tersebut.

Pengarah Urusan Proton, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata, Proton menangani masalah itu dengan serius dan bersedia memulakan perjumpaan dengan kerajaan negeri yang terlibat bagi menjelaskan masalah itu dengan teliti, termasuk dengan kerajaan negeri Selangor.

"Kami amat berbesar hati untuk menyediakan segala keperluan dan bantuan untuk kerajaan-kerajaan negeri berkenaan sekiranya mereka meminta penjelasan berkaitan dengan Perdana V6, atau mana-mana kenderaan Proton yang dibeli mereka," kata Syed Zainal.

16/12/2008 (Selasa)

Projek ganggu penduduk

Oleh AZIAN AZIZ



TIDAK IKUT PERATURAN... Seorang penduduk menunjukkan tapak projek pembinaan sebuah pangaspuri di Seksyen 7 Shah Alam yang didakwa menjalankan kerja-kerja pembinaan sehingga pukul 3 pagi sejak dua bulan lalu.

SHAH ALAM 16 Dis. - Penduduk di Jalan Kristal, Seksyen 7 di sini meminta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertindak terhadap pemaju sebuah projek pembinaan yang meneruskan kerja pembinaan sehingga ke awal pagi. Mereka berkata, keadaan itu telah berlarutan sejak dua bulan lalu dan penduduk semakin tidak tahan dengan gangguan akibat bunyi bising dari tapak pembinaan itu. Projek membina dan menyiapkan 300 unit pangaspuri kos sederhana tinggi itu adalah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Seorang penduduk, Hanem Saad, 25, berkata, beliau kesal dengan sikap pemaju dan kontraktor yang terlibat kerana membiarkan kerja-kerja di tapak pembinaan dibuat di luar waktu yang sepatutnya. Katanya, pemaju itu jelas tidak mengambil kira keselesaan penduduk di sekitar tapak projek itu, sebaliknya lebih mementingkan projek mereka.

Beliau yang telah menetap di Jalan Kristal 7/76 C sejak dua tahun lalu mendakwa, masalah itu juga tidak mendapat perhatian daripada MBSA walaupun aduan telah dibuat. "Bayangkan setiap malam saya tidak dapat tidur kerana bunyi bising dari tapak pembinaan tersebut yang berlarutan hingga pukul 3 pagi. Kalau sehari dua tak apa. Ini dah masuk dua bulan.

"Saya pun tak tahu apa sebab mereka buat kerja pada tengah malam ketika orang ramai sedang tidur," katanya yang merupakan pekerja sebuah syarikat swasta di Kota Kemuning di sini. Tambahnya, lebih menghairankan, kerja-kerja pembinaan juga dibuat pada hari Sabtu dan Ahad hingga lewat malam.

Bagi **Azrina Ismail**, 26, pula, beliau telah beberapa kali membuat aduan kepada MBSA tetapi tidak mendapat maklum balas dengan alasan hanya dia sahaja yang membuat aduan. Dia yang tinggal di Jalan Kristal 7/75C percaya jiran-jirannya juga terganggu tetapi mereka mungkin 'malas' untuk membuat aduan. "Ketika kerja-kerja di tapak pembinaan itu bermula pada Mac lalu keadaan ini tidak berlaku. "Tetapi sejak dua bulan lalu kerja-kerja di situ mula dibuat pada

sebelah malam. Mereka mula pagi berhenti pukul 3 petang dan sambung lepas Maghrib hingga 3 pagi.

"Saya adalah pelajar separuh masa dan waktu malamlah nak mengulang kaji tetapi bunyi bising dari kerja-kerja tanam cerucuk amat mengganggu saya," katanya. Tambah Azrina lagi, dia juga bimbang dengan palang kren yang terkeluar dari tapak pembinaan yang boleh membahayakan orang yang lalu lalang dan juga masalah pekerja asing yang selalu lalu lalang di kawasan kediamannya pada waktu malam. "Saya takut kerana telah beberapa kali pagar rumah saya cuba dipanjang orang. Naib baik kereta peronda polis kerap membuat rondaan selepas aduan dibuat," kata beliau lagi.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihaknya akan membuat pemantauan mengenai perkara tersebut kerana mengikut peraturan, kerja pembinaan hanya boleh dilakukan dari pukul 9 pagi hingga 6 petang. Menurut beliau, jika pihak kontraktor tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, MBSA akan mengeluarkan surat arahan supaya mereka mematuhi masa yang ditetapkan. "Selepas surat arahan dikeluarkan dan kontraktor terlibat masih tidak mematuhi peraturan, kita akan mengeluarkan surat henti kerja," tegas beliau.

Mengenai kerja pembinaan pada hujung minggu atau lebih masa, Shahrin berkata, ada beberapa kes yang dibenarkan jika permohonan dibuat. "Tetapi kontraktor yang terlibat tidak buat permohonan pun dan ini bermakna jika dia menyuruh pekerjanya kerja lebih masa ini memang satu kesalahan," kata beliau.

Mengenai dakwaan pihak MBSA tidak melayan aduan yang dibuat, beliau berkata, mungkin ada berlaku salah faham dan ia akan segera diperbetulkan. "Dalam apa jua aduan, kita akan siasata tak kisah seorang atau dua yang buat kerana itu memang tanggungjawab kita," jelasnya.

Projek membina dan menyiapkan 300 unit pangaspuri kos sederhana tinggi itu dijangka siap pada September 2010.

16/12/2008 (Selasa)

[**Rujuk JPS jika bangunkan pingir kawasan tadahan**](#)

KOTA BHARU 16 Dis. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri meminta mana-mana pihak yang ingin memajukan tanah tinggi atau bukit di kawasan tadahan air agar mengemukakan cadangan itu kepada pihaknya. Timbalan Pengarahnya, Wan Mohamad Sulaiman Wan Ismail berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan sumber air tercemar, merosakkan persekitaran dan ancaman terhadap nyawa.

Menurut beliau, JPS boleh menyediakan garis panduan yang jelas terhadap sebarang bentuk aktiviti memajukan kawasan bukit apatah lagi sekiranya terdapat kawasan tадahan berhampiran. "Umumnya ramai yang sedar akan peraturan itu namun sebahagian pihak mengambil sikap mudah.

"Berdasarkan peraturan sedia ada, pihak terlibat perlu menghantar pelan cadangan untuk dinilai oleh JPS sebelum pihak berkuasa membuat keputusan sama ada membenarkan atau pun tidak," katanya.

Beliau ditemui semalam selepas meninjau kawasan Lata Bukit Bedal Kuala Krai yang laluannya ditimbas batu dan pokok-pokok yang tumbang pada 29 November lalu ekoran kerja-kerja tarahan bukit. Para penduduk berdekatan menyatakan kebimbangan akan wujud takungan air di kawasan puncak yang mungkin akan menyebabkan limpahan air luar biasa dan tanah runtuh lebih besar.

Menurutnya, JPS tidak mempunyai kuasa menghalang sesuatu projek yang akan dan sedang dilaksanakan tetapi laporan yang dihantar ke beberapa agensi utama seperti Pejabat Tanah dan Jajahan, lazimnya akan diberi perhatian serius. Beliau memberitahu, kejadian yang sekali gus menyebabkan sumber bekalan air penduduk terputus itu berlaku setelah pemilik tanah lereng bukit melakukan kerja pembersihan hutan bagi aktiviti pertanian.

"Apabila hujan lebat, pokok-pokok yang ditebang di kawasan seluas dua hektar itu akan jatuh di kawasan takungan air sebelum dihanyutkan ke sungai berdekatan dan menyekat aliran air manakala takungan air berlumpur," katanya.

Wan Mohamad berkata, pihaknya kini sedang berusaha memulihkan laluan air berkenaan untuk membolehkan penduduk mendapat semula bekalan air bersih. "Jurutera JPS jajahan sedang menyiapkan laporan yang kemudiannya akan dihantar kepada pihak berkuasa tempatan," katanya.

17/12/2008 (Rabu)

Konsep Felda Moden mulai Januari



Najib Tun Razak melawat pameran selepas menandatangani memorandum persefahaman antara Felda dan FAMA di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Mustapa Mohamed dan Badruddin Amiruldin.

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Konsep Felda Moden akan dapat memperkasakan lagi agensi itu dan menjadikannya pemain utama dalam peniagaan komoditi global dan muncul sebagai satu entiti perniagaan bertaraf multinasional yang kukuh.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, konsep itu yang akan dilaksanakan Januari depan merupakan suntikan baru dalam operasi dan pengurusan Felda yang lebih fokus serta profesional. "Untuk mencapai matlamat ini, tindakan-tindakan awal akan dilaksanakan setelah satu kajian profesional yang komprehensif dibuat dengan persetujuan Lembaga Felda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) projek Edible Garden antara Felda dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini hari ini.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusuf Noor dan Pengerusi FAMA, Datuk Badruddin Amiruldin.

Menurut Najib, Felda akan meningkatkan fokus terhadap pembangunan komuniti sehingga mencapai tahap pendapatan sederhana bagi setiap peneroka. Bagi tujuan itu kata beliau, satu jawatan baru Timbalan Pengarah Besar Felda Pembangunan Komuniti akan diwujudkan mulai Januari 2009. Najib menambah, Felda Global Venture Holding (FGVH) akan menjadi syarikat induk yang menguruskan semua Syarikat Kumpulan Felda. Justeru kata beliau lagi, penyusunan keahlian dalam Lembaga Pengarah FGVH akan dibuat menjelang tahun 2009.

"Ketiga-tiga komponen penting dalam Felda iaitu Felda, Kumpulan Syarikat dan Yayasan Felda akan memberi fokus dengan lebih profesional mengikut tugas-tugas yang telah ditetapkan," katanya.

Menurutnya, pengurusan yang lebih fokus merupakan satu jaminan untuk memastikan peningkatan dan produktiviti Felda. Mengenai projek Edible Garden atau projek taman dapur di rancangan Felda Najib berkata, ia bertujuan menambah pendapatan, mengurangkan perbelanjaan keluarga dan mengindahkan persekitaran halaman kediaman kepada kira-kira 112,635 peneroka di seluruh negara.

"Langkah ini juga sebagai menyahut saranan kerajaan menerusi program bumi hijau yang akan dilaksanakan besar-besaran dan Felda menjadi input yang amat besar dalam program di peringkat nasional," katanya.

Apa yang lebih penting, kata Timbalan Perdana Menteri, projek tersebut akan dapat membantu kerajaan mengurangkan import cili dan juga beberapa bahan makanan lain. Menurut beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membelanjakan RM100 juta setahun untuk mengimport cili.

Justeru katanya, penanaman cili akan dimulakan melalui projek tersebut secara besar-besaran di rancangan Felda akan dapat membantu kerajaan mengurangkan import untuk keperluan negara.

17/12/2008 (Rabu)

Air: RM15 bilion diperlukan

PUTRAJAYA 17 Dis. – Pinjaman dan bon pemegang konsesi swasta aset air kerajaan negeri di Semenanjung sahaja memerlukan Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB), syarikat pengurusan aset air milik kerajaan, menyediakan sejumlah RM15 bilion untuk mengambil alih aset air berkenaan.

Oleh itu, jumlah kos Inisiatif Penstrukturkan Industri Perkhidmatan Air Nasional (NWSIRI) mungkin lebih tinggi memandangkan PAAB juga akan mengambil alih aset-aset air negeri seperti loji rawatan air, rangkaian paip dan empangan.

Ketua Pegawai Eksekutif PAAB, Suhaimi Kamaralzaman berkata, daripada RM15 bilion, RM7.9 bilion merupakan pinjaman aset air kerajaan persekutuan kepada negeri, yang akan dipindahkan kepada PAAB.

Baki RM7.1 bilion adalah bon yang diterbitkan oleh konsesi, yang PAAB perlu kumpul menerusi pasaran modal untuk melunaskannya, katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian pengambilalihan aset air negeri Melaka, di sini hari ini.

Beliau berkata, dijangkakan kebanyakannya adalah bon Islam dalam ringgit, namun enggan memberikan butiran lanjut terlalu awal. "(Bagaimanapun), kami hanya akan mengambil alih bon konsesi jika ia digunakan untuk perbelanjaan modal dan bukan perbelanjaan operasi," katanya

17/12/2008 (Rabu)

Kerajaan negeri tidak dikawal beli kereta rasmi

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Kerajaan negeri mempunyai kaedah tersendiri dalam menentukan pembelian dan menguruskan penyenggaraan kereta rasmi serta tidak terikat dengan syarikat pajakan Spanco Sdn. Bhd. yang mempunyai perjanjian konsesi dengan Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha berkata, Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan kerajaan negeri dalam urusan pembelian dan penyenggaraan kenderaan rasmi itu.

"Kerajaan negeri mempunyai cara yang tertentu, tidak terkawal dan kadangkala kita mendengar kos yang melampaui bajet dan sebagainya kerana mereka tidak ada satu kos yang tetap seperti dalam perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Spanco," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Senator Datuk Rizuan Abd. Hamid** mengenai tindakan kerajaan Perak dan Kedah yang mahu membeli kereta Toyota Camry yang lebih mahal harganya daripada kereta nasional pada sidang Dewan Negara di sini hari ini.

Menjawab soalan asal Rizuan, Cho Ha memberitahu, sejak 1994 Kerajaan Pusat telah membayar secara tetap iaitu kos sewaan dan penyenggaraan kepada syarikat konsesi tersebut.

"Kos penyenggaraan dan pembaikan semasa yang dibayar adalah antara RM328 hingga RM820 sebulan bagi sebuah Proton Perdana V6 Standard dan RM528 hingga RM1,320 sebulan bagi sebuah Proton Perdana V6 Executive bergantung pada usia kereta," katanya.

Pembayaran itu katanya, meliputi semua jenis penyenggaraan dan pembaikan termasuk servis berjadual, semua jenis pembaikan, kerosakan akibat kemalangan, kos alat ganti dan kos buruh.

"Jadi setiap kereta mempunyai kadar yang tetap mengikut usia dan model kereta dan tidak timbul kos yang terlalu tinggi atau rendah," jelasnya.

Dalam pada itu, Cho Ha memberitahu, Proton Holdings Bhd. (Proton) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambah baik kualiti kereta yang tidak terhad kepada aktiviti pemasangan sebaliknya merangkumi aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk memperbaharui komponen yang kerap menerima rungutan pelanggan.

"Ini termasuk pemasangan sistem penyejukan minyak transmisi bagi menangani masalah suhu tinggi pada sistem transmisi," katanya.

17/12/2008 (Rabu)

Kualiti Perdana V6 tak elok - Azizan

ALOR STAR 17 Dis. - Kerajaan negeri bercadang menggantikan kereta rasmi Exco dan pegawai kanannya, Proton Perdana V6 Executive disebabkan oleh kualiti kenderaan tersebut yang tidak elok, kata Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

Beliau berkata, ia sudah terbukti apabila terdapat kereta Exco rosak ketika dalam perjalanan malah ada yang terpaksa dibaik pulih sehingga mencecah perbelanjaan RM18,000 sedangkan usia kereta itu tidak sampai lima tahun.

"Antara masalah kereta ini ialah kotak gear selalu rosak," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Wisma Darulaman di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan Proton Holdings Bhd. (Proton) yang menyangkal dakwaan sesetengah pihak termasuk beberapa pemimpin kerajaan negeri pembangkang bahawa kos penyelenggaraan Proton Perdana V6 Executive terlalu tinggi.

"Kita, kalau nak beli tentulah yang berkualiti, jimat dan selesa. Kalau Proton tidak sebegini, kita tukarlah, itu pun kalau kerajaan negeri ada duit," tambah beliau.

Sementara itu, Azizan memberitahu, kerajaan negeri bersetuju untuk menyambung perjanjian Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang tamat pada Mac 2010 dengan kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata, keputusan tersebut dicapai selepas bermesyuarat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dua hari lalu.

Katanya, berikutan mesyuarat itu, jawatankuasa teknikal melibatkan kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan dan Lada akan dibentuk untuk mengatasi beberapa kelemahan.

"Kita tengok, mungkin kita beri tempoh lima atau 10 tahun untuk perjanjian ini tetapi segalanya terpulang kepada nasihat jawatankuasa yang dibentuk nanti," katanya.

18/12/2008 (Khamis)

Pindaan Akta Pencen 1980 diluluskan

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Pencen (Pindaan) 2008 yang membolehkan pelaksanaan empat dasar baru bertujuan menambah baik faedah persaraan dan faedah terbitan anggota sektor awam.

Rang undang-undang itu yang meminda Akta Pencen 1980 telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz bagi bacaan kali kedua sebelum dibahaskan oleh wakil rakyat kerajaan dan pembangkang.

Pindaan itu merangkumi empat dasar baru iaitu tiga dasar yang memperbaiki Skim Pencen kakitangan awam dan satu dasar baru bagi memberi peluang anggota yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kembali menyertai Skim Pencen.

Dengan pindaan itu, kerajaan memansuhkan syarat pemastautin di Malaysia bagi pemberian pencen bulanan kepada balu, duda dan anak pegawai atau pesara yang meninggal dunia melebihi 12 tahun enam bulan dari tarikh persaraan atau kematian dalam perkhidmatan.

Dasar baru itu juga memansuhkan syarat pemastautin dalam negara bagi pemberian penyelarasan pencen dibuat pada setiap kali gaji anggota yang sedang berkhidmat diselaraskan berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan Akta Pencen 1980 juga menyaksikan dasar peningkatan tempoh perkhidmatan maksimum yang boleh dimasukkan dalam perhitungan pencen daripada 25 tahun kepada 30 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2009.

Rang undang-undang itu turut membenarkan pembayaran pencen terbitan atas kadar penuh kepada waris kakitangan awam seumur hidup penerima, berkuat kuasa 1 Januari ini. Ia juga bakal menyaksikan pemberian opsyen semula kepada anggota tetap sektor awam yang memilih Skim KWSP sebagai skim faedah persaraan untuk bertukar kepada Skim Pencen dan perlu membuat keputusan itu sebelum 1 Februari 2009.

Keempat-empat dasar itu turut terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun melalui pindaan kepada Akta Pencen 1980 dan Akta Penyelarasaran Pencen 1980.

Dasar pemansuhan syarat pemastautin dalam negara dan dasar pembayaran penuh pencen terbitan seumur hidup penerimanya juga dipanjangkan kepada bekas hakim melalui pindaan kepada Akta Saraan Hakim 1971.

18/12/2008 (Khamis)

Penesa harap isu permit kapal nelayan asing selesai segera

SIBU 18 Dis. - Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (Penesa) berharap isu pemberian permit menangkap ikan kepada kapal-kapal dikendalikan nelayan asing di Tanjung Manis dapat diselesaikan secepat mungkin.

Pengerusinya, Jamali Basri berkata, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed telah berjanji akan membentuk satu jawatankuasa bagi menyiasat perkara tersebut.

"Jawatankuasa ini akan menyiasat apa yang berlaku di Pelabuhan Perikanan Bersepadu Tanjung Manis (PPBTM) dan berjanji akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak berkenaan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jamali bersama beberapa ahli jawatankuasa Penesa pada 14 dan 15 Disember lepas mengadakan pertemuan dengan Mustapa di Kuala Lumpur bagi mencari penyelesaian perkara berkenaan.

Dengan penubuhan jawatankuasa berkenaan, menurut Jamali, para nelayan bersetuju membatalkan hasrat untuk mengadakan demonstrasi bagi menggesa kerajaan menarik balik permit.

Sebelum ini, lebih 500 nelayan dari seluruh Sarawak bertekad untuk mengadakan demonstrasi di PPBTM pada 20 Disember ini.

"Kami nelayan yang sentiasa percaya dan berdiri teguh bersama kerajaan akan membatalkan hasrat kami ingin mengadakan bantahan secara besar-besaran.

"Kami berharap nelayan-nelayan tempatan tidak terpengaruh dengan dakyah pembangkang yang sentiasa ingin mengambil kesempatan atas kelemahan agensi-agensi pelaksana dasar kerajaan," jelas beliau.

Selain pemberian permit menangkap ikan di kawasan laut dalam kepada kapal-kapal nelayan asing, Penesa juga musykil dengan jumlah pendaratan ikan yang didedahkan Persatuan Usahawan Industri Perikanan Sarawak (Ikhlas) baru-baru ini.

Setiap kapal milik ahli-ahli Ikhlas dikatakan mendaratkan ikan sebanyak 25 hingga 30 tan metrik sekali berlabuh di PPBTM, selepas berada di laut selama 15 hingga 20 hari. Ikhlas yang dianggotai 37 syarikat mempunyai lebih 200 kapal yang diberikan kelulusan menangkap ikan di kawasan laut dalam iaitu lebih 30 batu nautika dari pantai.

18/12/2008 (Khamis)

Kedah larang projek lereng, cerun bukit

ALOR STAR 18 Dis. - Kerajaan negeri mengambil keputusan untuk tidak membenarkan projek perumahan dimajukan di kawasan lereng bukit atau cerun di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, pihaknya juga sedang mengkaji sama ada larangan sama turut dikuatkuasakan di kawasan lombong.

Beliau berkata, larangan tersebut mengambil kira potensi pembangunan pada masa akan datang terutama di Kulim dan Sungai Petani walaupun kerajaan menyedari negeri ini tidak mempunyai banyak kawasan bukit.

"Keputusan tersebut diambil bagi menjamin keselamatan dan keselesaan semua pihak termasuk pemaju perumahan.

"Di Kulim dan Sungai Petani, ada kawasan bukit, kita tidak beri kebenaran untuk didirikan rumah kecuali mendapat nasihat ahli geologi," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di sini semalam.

Mengenai larangan di kawasan lombong pula, Azizan menjelaskan, ia memerlukan penelitian kerana kawasan seumpama itu berkemungkinan tidak sesuai daripada sudut geologi.

"Jika di kawasan bukit, ia mungkin boleh menyebabkan tanah runtuh tetapi kita kena tengok keadaan tanah lombong, mungkin ia menjadi punca tanah jerlus," kata beliau.

Azizan berkata, keputusan tersebut akan disampaikan kepada pegawai tanah daerah di seluruh negeri supaya dapat dikuatkuasakan.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga telah mengetatkan syarat bagi semua permohonan ubah syarat tanah untuk projek perumahan.

19/12/2008 (Jumaat)

EPU, PBT disaran pantau kawasan larangan pembangunan

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) disarankan bekerjasama memantau kawasan tадahan air yang diwartakan sebagai kawasan larangan pembangunan supaya dipatuhi oleh semua pihak.

Penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, Gurmit Singh berkata, setiap tahun, dua agensi berkenaan juga mesti mengemukakan laporan lengkap berhubung pemerhatian yang telah dilakukan.

"Penghasilan laporan berkenaan boleh dibuat dengan menggunakan komputer atau Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT) dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan butiran lengkap berhubung pematuhan pewartaan itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, sudah tiba masanya EPU meluaskan peranan dengan mengambil kira kesan ke atas alam sekitar akibat pembangunan yang dilaksanakan.

"Kerajaan negeri harus mengubah sikap dan jangan mudah menuding jari kepada Kerajaan Pusat apabila berlaku sesuatu bencana alam," katanya.

Sebaliknya, menurut beliau, mereka harus mencari jalan penyelesaian agar larangan pembangunan di kawasan tadahan hujan dipatuhi.

Katanya lagi, terdapat 100 kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan tadahan air, tetapi hanya 40 kawasan sahaja yang diwartakan.

Justeru, beliau menambah, bagi memastikan penguatkuasaan dijalankan dengan tegas dan adil, sikap kasihan terhadap pemaju perlu dikikis.

Pada masa yang sama, beliau juga memberitahu, kawasan tadahan air boleh dipulihkan sekiranya usaha untuk memindahkan penduduk yang tinggal di dalam dan sekitar kawasan itu dilakukan segera.

"Apabila penduduk telah dipindahkan, barulah kerja menanam semula pokok-pokok di kawasan tadahan air yang telah dibangunkan atas nama pembangunan dapat dilaksanakan. Segalanya bergantung kepada komitmen, pilihan dan penguatkuasaan daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

21/12/2008 (Ahad)

PKFZ: Tunggu laporan audit siap

PELABUHAN KLANG 21 Dis. - Keputusan sama ada wujud sebarang penyelewengan dalam projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) hanya akan diketahui selepas selesai kajian oleh firma audit antarabangsa, PriceWaterhouse Coopers.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, firma berkenaan akan membentangkan laporan kajian itu khususnya yang berkaitan pengurusan projek dan kewangan sebaik sahaja ia disiapkan. Katanya, kajian tersebut dilakukan secara bebas tanpa campur tangan mana-mana pihak termasuk dirinya dan Kementerian Pengangkutan. "PriceWatterhouse Coopers sedang memperhalusi laporannya berkaitan tadbir urus dan wang ringgit yang mungkin membabitkan temuramah dengan individu dan pihak tertentu. "Tidak seharusnya kita mendesak mereka mempercepatkan kajian, biar mereka lakukannya mengikut kesesuaian waktu dan ia akan dibentang sebaik selesai," katanya pada sidang akhbar di PKFZ, Pelabuhan Barat di sini hari ini.

Projek PKFZ yang menelan belanja besar menimbulkan tanda tanya terutama apabila harga pembelian tanah mencecah RM1.088 bilion dan apabila mengambil kira tempoh pembayaran balik selama 15 tahun pada kadar faedah 7.5 peratus setahun, kos keseluruhan pembelian tanah meningkat kepada RM1.807 bilion. Kos keseluruhan PKFZ ialah RM4.6 bilion setelah mengambil kira pembelian tanah, kerja-kerja pembangunan dan faedah 7.5 peratus bagi bayaran tertangguh selama 10 tahun. Menurut Tee Keat, orang ramai seharusnya bersabar dan menunggu laporan itu siap bagi menjawab segala keraguan atau tuduhan negatif yang dilemparkan terhadap kerajaan berhubung projek PKFZ.

Beliau menambah, apa yang penting, kerajaan telah membuktikan bahawa PKFZ bukan projek gajah putih seperti didakwa berdasarkan perkembangan positif status pelaburannya sejak pengunduran pengendali zon bebas terkemuka dunia di Dubai, Jebel Ali Free Zone (Jafza) daripada menguruskannya pada pertengahan Julai tahun lalu. Katanya, jumlah cadangan pelaburan PKFZ sehingga November lalu bernilai RM974 juta, meningkat 30 peratus berbanding RM748 juta pada Mac 2008. Nilai tersebut melibatkan 58 pelabur termasuk dari luar negara dan telah membuka peluang pekerjaan kepada 1,659 orang.

Pergerakan kargo unit bersamaan 20 kaki (TEU) pula menyaksikan peningkatan 495 peratus bagi tempoh sama, iaitu sebanyak 8,015 berbanding 890 buah tahun lalu. Katanya, kargo muatan berat tan (FWT) pula ialah sebanyak 367,853 berbanding 15,663 buah tahun lalu, meningkat 307 peratus.

21/12/2008 (Ahad)

Runtuhan cerun punca jalan retak

Oleh A. JAILANI ABDULLAH



SubAhan Kamal menunjukkan rekahan jalan berhampiran pangaspuri Andani Town Villa, Selayang Heights, Selayang yang dipercayai terjadi akibat runtuhan cerun tidak jauh dari situ.

SELAYANG 21 Dis. - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) diminta menyiasat kejadian tanah runtuh berhampiran Pangaspuri Andani Town Villa, Selayang Heights di sini kerana dikhawatir menjejaskan struktur tanah di sekitar kawasan itu. Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer, Datuk Subahan Kamal yang meninjau keadaan di situ baru-baru ini berkata, kegusaran penduduk di situ wajar diberikan perhatian kerana jalan masuk ke kediaman mereka mengalami keretakan agak ketara.

"Pihak saya mendapat maklumat dari penduduk di sini bahawa jalan berhampiran kediaman mereka mengalami keretakan. "Setelah diperiksa, didapati telah berlaku tanah runtuh di tebing jalan ini dan ini membuatkan mereka dan saya risau... apatah lagi pada musim hujan sekarang dan kejadian buruk di Bukit Antarabangsa masih segar dalam ingatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau kawasan di sekitar Selayang Heights di sini. Tinjauan mendapati telah berlaku keretakan sepanjang kira-kira 50 meter di jalan masuk ke Selayang Heights, yang terletak berhampiran tebing cerun yang sedalam kira-kira 60 meter. Cerun itu dibuat bertingkat-tingkat. Didapati tanah di satu kawasan cerun itu telah runtuh dan membawa bersama-sama longkang simen bermula dari tingkat tiga hingga lima cerun berkenaan.

"Kami minta MPS menghantar pasukan penyiasat mereka segera untuk menilai keadaan di sini... bukan sahaja di kawasan jalan dan cerun tetapi juga di tapak bangunan berdekatan.

Perkara ini perlu diambil serius kerana sekarang musim hujan. "Selain itu, jalan ini menjadi laluan ramai termasuk kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti Selayang. Di kawasan Selayang Heights ini sahaja terdapat kira-kira seribu penduduk," tegasnya.

Jalan itu juga digunakan oleh kakitangan beberapa pejabat jabatan kerajaan seperti Majlis Daerah Gombak, Mahkamah Selayang, Perpustakaan Selayang dan Syarikat Bekalan Air Selangor. Kata Subahan, berdasarkan pemerhatian kasar, ada kemungkinan runtuhan itu telah menyebabkan struktur tanah di bahagian atas cerun itu terjejas. Selain memeriksa tahap kekuahan cerun itu, beliau juga meminta MPS memperbaiki cerun yang runtuh itu dengan segera sebelum lebih banyak runtuhan berlaku.

22/12/2008 (Isnin

Ekovest kemuka tender projek rm5 bilion

KUALA LUMPUR 22 Dis. - Pemaju hartanah Ekovest Bhd. mengemukakan tender untuk projek bernilai RM3 bilion hingga RM5 bilion di Malaysia, kata Naib Pengurus Eksekutifnya, Datuk Lim Kang Hoo.

"Kebanyakan tender melibatkan projek kerajaan," kata beliau selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Ekovest mempunyai nilai kontrak dalam tangan bernilai RM600 juta termasuk fasa baru Universiti Malaysia Sabah dan dua kontrak dengan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia.

Kang Hoo berkata, projek yang sedang berjalan itu dijangka mengekalkan operasi kumpulan itu selama tiga tahun. Mengenai projek di seberang laut, katanya syarikat itu telah berbincang dengan pihak usaha sama berpotensi bagi pembangunan hartanah di Vietnam dan Indonesia.

"Kami mencari tempat yang hampir dengan usaha seumpama itu. Kami fikir ini ialah masa yang tepat untuk mengkajiinya, terutamanya pada harga sedang menurun," jelas beliau.

Ekovest meneroka ke India melalui projek pembangunan lebuh raya tiga tahun lalu. Mengulas mengenai cadangan urusan pembangunan bercampur berkaitan dengan Pembangunan Danga Bay Waterfront City, yang tergendala disebabkan keadaan pasaran ekuiti yang tidak memuaskan, Kang Hoo berkata syarikat itu masih meninjau langkah bagaimana untuk menyertainya.

Pada ketika ini, katanya Ekovest sedang menimbangkan usaha sama dengan pihak lain atau melalui pelaburan langsung. Tahun lepas Ekovest mengambil alih Danga Bay Holdings Sdn. Bhd. pada RM1.1 bilion.

23/12/2008 (Selasa)

Penswastaan IJN perlu dikaji semula

MELAKA 23 Dis. - Rancangan penswastaan Institut Jantung Negara (IJN) perlu dikaji semula kerana dikhawatir menjejaskan peluang rakyat berpendapatan rendah menikmati kemudahan rawatan di institut berkenaan. Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Ghazali Othman berkata, sebagai salah seorang pengamal perubatan, beliau bimbang berlaku senario kenaikan kos rawatan dan perubatan di IJN ekoran langkah penswastaan itu.

Menurutnya, hasrat kerajaan membenarkan penswastaan IJN itu adalah baik demi memastikan tahap kualiti perkhidmatan institut berkenaan meningkat pada masa depan. "Mungkin memang ada peluang atau ruang yang lebih baik disediakan hasil daripada penswastaan IJN ini. "Namun sebagai pengamal perubatan dan juga ahli masyarakat, apa yang lebih kita gusarkan dalam soal ini, apabila IJN diswastakan, perkhidmatannya kelak tidak dapat lagi dinikmati oleh masyarakat berpendapatan rendah akibat peningkatan kos rawatan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Sambutan Hari AIDS Sedunia 2008 peringkat negeri yang disempurnakan oleh Timbalan Penggerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kesihatan negeri, Chua Kheng Hua di sini hari ini. Dr. Ghazali mengulas rancangan konglomerat Sime Darby Berhad mengambil alih 51 peratus kepentingan dalam IJN namun hasrat itu telah ditangguhkan oleh kerajaan setelah mendapat tentangan banyak pihak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Run Razak ketika mengumumkan penangguhan itu baru-baru ini berkata, rancangan pengambilalihan itu akan dikaji semula dengan mendalam oleh kementerian-kementerian yang berkaitan. Tambah Dr. Ghazali, sekiranya kerajaan tetap meneruskan rancangan menswastakan IJN kelak, pihak berkaitan perlu memastikan perkhidmatan yang sedia ada bertambah baik dan paling utama, tiada perubahan ke atas kos rawatan kepada pesakit. "Pada masa ini, golongan berpendapatan rendah masih dapat menikmati kemudahan rawatan yang disediakan di IJN namun jika diswastakan kelak, pasti berlaku perubahan dan kita tidak mahu ia melibatkan kos rawatan. "Perkara ini perlu dikaji dan perhalusi dan jika IJN diswastakan kelak, perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat sepertinya lebih baik berbanding sekarang ini," katanya.

Katanya, pada masa ini tidak banyak hospital menawarkan kemudahan rawatan pakar seperti yang terdapat di IJN menyebabkan masyarakat terpaksa bergantung kepada institut berkenaan.

"Kita tidak mahu menjadi rakyat Amerika Syarikat yang tidak mampu membayar kos rawatan jantung di hospital pakar kerana terlalu mahal dan akhirnya masalah itu memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan rakyat negara berkenaan," katanya.

23/12/2008 (Selasa)

Penduduk hairan masalah tidak selesai



Penduduk menunjukkan lokasi yang sesuai dibina susur keluar dari Taman Puncak Jalil ke Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya.

PUCHONG 23 Dis. - Penduduk Taman Puncak Jalil dekat sini kecewa dan hairan dengan masalah kesesakan di kawasan perumahan itu yang masih tidak dapat diselesaikan walaupun ia berlarutan sejak beberapa tahun lalu. Mereka berkata, tidak mungkin pihak berkuasa tempatan tidak menyedari masalah itu kerana ia berlaku setiap hari atau mereka sengaja tidak mahu ambil peduli selagi penduduk tidak membuat 'bising'.

Seorang penduduk, **Zulkifli Bargong**, 38, berkata, walaupun dia jarang berada di kawasan itu kerana bertugas di luar kawasan tetapi dia mendapati keadaan kesesakan di situ tidak pernah berubah kepada situasi yang lebih baik. Katanya, keadaan itu tidak elok jika dibiarkan berterusan kerana ia menyusahkan dan menambahkan tekanan penduduk yang semakin tertekan dengan pelbagai perkara lain terutama kenaikan harga barang. "Selain itu, andai kata berlaku kecemasan, ia pasti menyukarkan ambulans, polis atau bomba masuk ke sini bagi memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan," jelasnya.

Dia merasakan sudah sampai masanya pihak berwajib mendengar rintihan penduduk dan mencari jalan alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan itu. Seorang lagi penduduk, **Hamizan Md. Sari**, 36, pula mencadangkan supaya jalan susur masuk ke Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya dibina segera kerana ia adalah alternatif terbaik.

Katanya, lokasi yang sesuai untuk tujuan tersebut ialah berhampiran tapak pasar malam Taman Puncak Jalil dan berdekatan dengan satu deretan rumah kedai. "Pihak berwajib hanya perlu menambak dan menurap laluan sejauh 50 meter untuk menyambungkannya dengan laluan sedia ada," katanya.

Malah, dia yakin kerja-kerja pembinaan jalan itu tidak akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. "Hanya sedikit sahaja jarak jalan yang perlu disambungkan, saya rasa ia tidak menjadi masalah besar kepada pihak berkuasa untuk membinanya," katanya.

Sementara itu, seorang guru, **Azmi Ismail**, 52, mengakui banyak masanya terbuang kerana walaupun keluar awal setiap hari tetapi dia tetap juga tersekat dalam kesesakan lalu lintas. "Dari 10 minit, menjadi 40 minit disebabkan terpaksa melepas kesesakan di Jalan Bandar Kinrara untuk ke Bandar Sunway. "Oleh itu, setiap pagi saya terpaksa bangun awal supaya tidak terlewat ke sekolah," katanya yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway.

Sementara itu, **V. Subramaniam**, 30, yang bekerja di Taman Tun Dr. Ismail juga berhadapan dengan situasi yang serupa. "Bayangkan, setiap hari saya perlu menghabiskan masa sekurang-kurangnya satu suku jam untuk sampai ke tempat kerja sedangkan jika tiada kesesakan, masa untuk sampai ke sana tidak sampai 20 minit. "Apa yang saya lalui ini turut dialami oleh jiran-jiran saya yang bekerja mengikut waktu pejabat dari pukul 8 pagi hingga 5 petang," ujarnya.

23/12/2008 (Selasa)

Parlimen - Gempa bumi: Pembinaan terowong salur air diteruskan

KUALA LUMPUR 23 Dis. - Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan terowong bagi menyalur air mentah sepanjang 44.5 kilometer (km) merentasi Banjaran Titiwangsa walaupun sering berlaku kejadian gempa bumi di Bukit Tinggi, Pahang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan berkata, projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor itu akan diteruskan malah kerajaan telah mengarahkan supaya perancangan guna tanah dan reka bentuk kejuruteraan terowong mengambil kira faktor gempa bumi yang sudah berlaku. "Ia juga perlu mengambil kira faktor gempa bumi yang akan berlaku pada masa hadapan sebagaimana diamalkan oleh negara-negara yang sering menghadapi bencana ini seperti Indonesia, Filipina, Jepun, China dan Iran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Senator Datuk Roslan Awang Chik** yang bertanyakan sama ada projek pembinaan terowong berkenaan akan memburukkan lagi tahap gegaran gempa bumi di kawasan itu pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini. Selain pembinaan terowong, kata Maznah, semua aktiviti pembangunan sosioekonomi di Bukit Tinggi dan kawasan sekitarnya masih boleh diteruskan. Dalam pada itu, beliau memberitahu, kejadian gempa bumi di kawasan berkenaan mula dikesan sejak 30 November 2007 dengan yang terakhir pada 25 Mei lalu, melibatkan keseluruhannya sebanyak 20 kali.

Kerosakan

"Kekuatan gempa yang direkodkan setakat ini adalah berjulat dari 2.5 hingga 3.5 magnitud pada skala Richter iaitu kelas gempa bumi kecil dan ia dikategorikan pada tahap I hingga IV pada skala *Modified Mercalli Intensity* iaitu termasuk dalam kelas gegaran lemah.

"Setakat ini, tiada kerosakan struktur dan bangunan boleh dikaikkan berpunca daripada gempa yang berlaku. Berdasarkan Bancian Geologi Amerika Syarikat (USGS), kekuatan gempa pada tahap IV ke bawah tidak akan menyebabkan kerosakan," katanya.

Tambah beliau, pergerakan kerak bumi akibat gempa bumi besar dalam beberapa tahun kebelakangan ini di jalur gempa bumi Sumatera, Indonesia telah menyebabkan pergerakan blok-blok batuan dalam zon sesar Bukit Tinggi.

"Sesar Bukit Tinggi ialah sepanjang 80 km bermula dari Kuala Kelawang, Negeri Sembilan hingga ke Kuala Kubu Baru, Selangor," katanya.

24/12/2008 (Rabu)

Sistem baru PCB satu pilihan

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Sistem baru potongan cukai berjadual (PCB) yang bakal dilaksanakan pada 1 Januari ini adalah lebih fleksibel kerana ia memberi pilihan kepada majikan dan pekerja menentukan sendiri jumlah potongan cukai pada setiap bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Hasmah Abdullah berkata, sistem baru tersebut diperkenalkan berikutan pengecualian cukai ke atas beberapa kategori eluan termasuk kad petrol, eluan perjalanan dan tol seperti yang diumumkan dalam bajet 2009, baru-baru ini. Beliau berkata, dalam menentukan jumlah potongan, majikan boleh memilih sama ada membuat penilaian pengecualian cukai itu pada setiap bulan, tiga bulan sekali, enam bulan sekali, setahun sekali atau kekal dengan sistem yang diamalkan sekarang.

"Ia bukan sesuatu yang diwajibkan oleh LHDN. Kita mahu memberi pilihan dan terpulang kepada pihak majikan untuk mengadakan polisi sendiri berhubung sistem baru ini," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena pengumuman e-stamping iaitu pelaksanaan prosedur baru penyeteman dokumen yang dikenakan duti setem. Pada sidang akhbar itu, beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar berhubung pelaksanaan sistem baru PCB yang bakal dimulakan awal tahun depan. Akhbar tersebut menyebut bahawa sistem baru itu memerlukan majikan dan pekerja memfailkan pengecualian cukai pada setiap bulan berbanding kaedah yang dilakukan sekarang iaitu setahun sekali.

Hasmah berkata, sistem baru PCB itu membenarkan majikan mengambil pendekatan lebih fleksibel dalam perihal pemotongan cukai secara berjadual pekerja mereka. Katanya, ia turut memberi kelonggaran kepada pekerja untuk memaklumkan sendiri kepada majikan mengenai jumlah potongan yang perlu dibuat berdasarkan pelepasan cukai ke atas elaun mereka. "Ia bukan sesuatu yang baru kerana ia lebih kepada penambahbaikan kepada sistem cukai negara yang sedang mengalami transformasi ke arah yang lebih baik," katanya.

Hasmah berkata, pihak LHDN sedar Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) membantah langkah tersebut kerana melihat ia membebankan majikan. Katanya, LHDN telah berbincang dengan MEF dan memberi taklimat kepada majikan mengenai sistem baru itu serta menjelaskan bahawa ia diwujudkan ekoran pelepasan cukai ke atas elaun-elaun seperti diumumkan, perlu diambil kira dalam menentukan PCB pekerja.

"Majikan ada memaklumkan bahawa ia akan menambah kerja majikan berhubung sistem pembayaran gaji tetapi ia sebenarnya fleksibel. "Sebagai contoh, jika gaji seorang pekerja ialah RM3,500 termasuk elaun perjalanan RM200, maka PCB ke atas pendapatan pekerja itu ialah RM3,300 setelah menolak elaun perjalanan," katanya.

Menurut Hasmah, sukar bagi LHDN menentukan jumlah PCB yang tetap kerana peruntukan elaun dan manfaat kepada pekerja adalah berbeza antara sesebuah syarikat menyebabkan ia lebih mudah diputuskan sendiri oleh majikan berkenaan. Katanya, melalui sistem baru itu, LHDN akan menyediakan pengiraan PCB secara elektronik di laman webnya tidak lama lagi bagi memudahkan kerja-kerja menentukan jumlah potongan dilakukan oleh majikan.

"Majikan hanya perlu memasukkan data berkaitan pendapatan dan pelepasan cukai pekerjanya sebelum ia dikira secara elektronik dan dihantar menggunakan borang CP39 untuk tujuan pembayaran kepada LHDN," jelasnya.

25/12/2008 (Jumaat)

KTMB awasi kabel landasan kereta api lebih ketat

KUALA LUMPUR 25 Dis. - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan mempertingkatkan kawalan serta pengawasan selama 24 jam sehari untuk mengelakkan kecurian kabel di landasan kereta api.

Pengurus Senior Unit Komunikasi KTMB, Shahriza Embi berkata, pihaknya akan memastikan setiap rondaan yang dijalankan mesti dilaporkan supaya tiada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. "Kita juga akan mengadakan kempen kesedaran supaya masyarakat sekeliling tidak mengambil mudah dengan membiarkan kegiatan pencerobohan dan kecurian harta KTMB berlaku," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Kelmarin, seorang anggota polis bantuan berpangkat konstabel mati tertembak rakan setugasnya ketika bergelut dengan seorang pencuri kabel di landasan kereta api dekat Jalan Klang Lama, di sini.

Shahriza menambah, untuk memperbaiki kabel landasan kereta api yang rosak atau menggantikannya memerlukan perbelanjaan yang mahal. "Apabila berlakunya kerosakan kabel, ia perlu diperbaiki dengan cepat dan begitu juga dengan kehilangan kabel landasan kereta api," jelasnya. Menurut beliau, orang ramai juga perlu bekerjasama dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ternampak orang yang mencurigakan dalam kawasan larangan KTMB.

"Saya meminta kerjasama orang ramai supaya bersama-sama membantu pihak KTMB mengelakkan kecurian kabel landasan kereta api," katanya.

Shahriza memberitahu, sekiranya berlaku sebarang masalah atau kecemasan, orang ramai boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat KTMB di talian kecemasan 03-22631194 yang beroperasi selama 24 jam.

25/12/2008 (Jumaat)

Projek kolam air panas masih boleh dibatal

SELAYANG 25 Dis. - Projek pembangunan di kawasan kolam air panas Selayang masih di peringkat awal dan masih boleh dipertimbangkan, kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Datuk Zainal Abidin Azim. Bagaimanapun, tegas beliau, jika pembangunan berkenaan diteruskan, pemaju projek itu perlu mengikuti syarat yang ditetapkan iaitu projek pembangunan itu harus berkonsepkan rekreasi. "Antara syarat untuk projek itu ialah sebahagian pembangunan kolam air panas itu adalah untuk awam dan sebahagian lagi untuk pembeli (kondominium)," katanya.

Zainal Abidin mengulas mengenai isu pembangunan yang dirancang di kawasan kolam air panas Selayang berhampiran jalan Persiaran Templer-Selayang. Projek pembangunan untuk mendirikan kondominium dan rumah kelab di situ turut mendapat bantahan Pengurus Eksekutif Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor, Datuk Subahan Kamal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer.

Zainal Abidin juga dengan tegas menepis tanggapan bahawa projek pembangunan itu kelak akan menutup peluang orang awam untuk mandi di kolam itu. "Apa yang akan dilakukan ialah akan dipasang saluran untuk membahagikan air bagi kegunaan pemilik kediaman dan juga orang awam," ujarnya. Katanya lagi, projek pembangunan bersama Arena Rezeki dan MPS itu memerlukan perancangan teliti supaya tidak menjelaskan air panas yang kaya dengan mineral itu selain kepentingan awam. Jelasnya, ketika ini, projek itu masih di peringkat menguji tanah.

"Satu taklimat oleh Jabatan Geologi juga akan diadakan untuk Ahli Majlis MPS. Taklimat ini akan memperjelaskan mengenai struktur tanah dan sumber air. "Kertas cadangan perancangan juga belum diterima daripada pihak pemaju. Jika perancangan itu tidak menggembirakan kerajaan negeri, maka ia akan dirombak," tegasnya sambil menambah bahawa kelulusan untuk menjalankan projek pembangunan di situ diberikan sejak 2004 lagi.

Sementara itu, seorang pemanggil yang hanya mahu dikenali sebagai Karim berharap rancangan itu dibatalkan kerana ia lebih membawa keburukan berbanding kebaikan. "Saya bersetuju jika pembangunan yang dirancang ialah untuk menyediakan prasarana yang lebih baik kepada orang ramai. "Lebih baik diwujudkan sebuah kawasan industri kraf di situ untuk menyemarakkan kawasan itu dan menarik pelancong datang. "Di Selayang ini, terdapat pengusaha industri batik. Mereka boleh ditawarkan tempat di situ. Selain itu, berdekatan kawasan air panas itu juga terdapat kawasan kediaman Orang Asli iaitu Kampung Bukit Lagong," katanya ketika menghubungi *Utusan Malaysia* hari ini. Katanya lagi, yang menjadi persoalan ialah apakah nasib pengusaha beberapa gerai yang telah bertapak di kawasan itu sejak sekian lama apabila projek pembangunan itu dijalankan kelak.

25/12/2008 (Jumaat)

Petani peroleh RM2,000 sebulan tanam kenaf



BIDUZODIN Ibrahim menunjukkan tanaman kenaf di kebunnya di Kampung Tiak Kupang, Baling, semalam.

BALING 25 Dis. - Sikap berani mencuba sesuatu yang baru dalam diri seorang petani, Biduzodin Ibrahim, 60, dengan menanam kenaf di atas tanah seluas 0.8 hektar di Kampung Tiak Kupang, di sini sejak dua tahun lalu kini menghasilkan pulangan lumayan kepadanya. Warga emas tersebut yang tidak pernah mengenali kenaf sebelum mengusahakannya kini boleh berbangga apabila mengecap hasil sehingga RM2,000 sebulan dengan jualan tanaman berkenaan.

Biduzodin berkata, meskipun dia tidak pernah mengenali kenaf, namun minat dan perasaan ingin mengetahui sejauh mana potensinya telah mendorongnya mencuba mengusahakan tanaman itu. "Saya gembira kerana pada mulanya sekadar ingin mencuba, tetapi kini ia telah membawa hasil lumayan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di kebunnya di sini hari ini.

Menurut Biduzodin, dia mendapat peruntukan dari Lembaga Tembakau Negara (LTN) termasuk khidmat nasihat dan kredit untuk mengusahakan kebunnya dengan tanaman berkenaan. Katanya, dia menyediakan sebanyak 10 kilogram benih kenaf yang mampu membuat hasil sehingga 400 kilogram semusim. "LTN telah menyediakan kemudahan baja, racun dan benih melalui skim kredit," jelasnya.

Katanya lagi, tanaman kenaf tidak sukar untuk diusahakan kerana ia sukar mendapat serangan penyakit dan serangga. Bapa kepada enam anak itu memberitahu, kenaf ditanam dengan menggunakan mesin tanpa perlu membuat batas seperti tanaman sayuran lain. Biasanya, kata Biduzodin, tanaman itu mampu mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter pada peringkat matang.

"Kenaf yang matang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh enam bulan selepas ditanam. "Selain batang kenaf, biji bunganya juga boleh dijual pada harga RM20 sekilogram," katanya. Menurutnya lagi, dia kini telah menanam kenaf untuk peringkat kedua dan menunjukkan hasil yang amat menggalakkan. "Saya sedang berusaha untuk mendapatkan satu kawasan tanah terbiar untuk dibangunkan dengan tanaman itu secara komersil tidak lama lagi", katanya.